

**KAJIAN SEMULA TAPAK 23, KOMPLEKS
PERCANDIAN PENGKALAN BUJANG, KEDAH**

AZMAN BIN ADAM

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2021

**KAJIAN SEMULA TAPAK 23, KOMPLEKS
PERCANDIAN PENGKALAN BUJANG, KEDAH**

oleh

AZMAN BIN ADAM

**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Sarjana Sastera**

Februari 2021

PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

إِنَّ الْحَمْدَ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ، وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

Saya mengucapkan ribuan terima kasih khasnya kepada Penyelia utama saya iaitu Prof Dato' Dr. Mohd Mokhtar Saidin yang telah banyak memberi tunjuk ajar kepada saya. Ucapan ini juga ditujukan kepada penyelia bersama iaitu Dr. Nasha Rodziadi Khaw yang turut membantu menyiapkan dan membimbing ke arah terhasilnya tesis ini. Beliau telah memberi segala tunjuk ajar, sokongan bimbingan dan juga bantuan yang amat diperlukan. Dorongan dan semangat yang diberikan oleh beliau sepanjang kerja-kerja penelitian dan penulisan menyebabkan saya dapat menyiapkan tesis ini.

Tidak lupa juga kepada semua staff PPAG yang turut membantu dalam penyediaan sampel dan juga gambar semasa proses ini dilakukan. Tanpa bantuan dan pertolongan kalian maka kajian ini tidak akan dapat disiapkan sepenuhnya. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Dr Mohd Hasfarisham bin Abdul Halim yang telah banyak membantu dalam menyiapkan tesis ini. Begitu juga dengan rakan-rakan yang lain khasnya pada Dr Akma, Puan Iklil, Puan Seha, Puan Ratna semoga dipermudahkan segala urusan oleh Allah jua.

Seterusnya saya juga merakamkan penghargaan dan terima kasih ke atas keluarga yang

turut membantu dalam menyiapkan kajian ini. Khususnya kepada emak Pn. Munah bt Salleh, ayah En Adam bin Ali, isteri Pn. Najwa Izzati bt Udin, adik- beradik dan semua kenalan sama ada jauh mahu pun dekat. Tanpa bantuan dan sokongan kalian apalah saya pada hari ini. Semoga jasa dan pengorbanan semua akan diberi ganjaran yang sebaik mungkin oleh penciptaNya sama ada di dunia atau pun akhirat.

Akhir kata saya juga mengucapkan penghargaan kepada Jabatan Muzium Malaysia khasnya Datuk Kamarul Baharin A. Kasim dan semua kakitangan Muzium Arkeologi Lembah Bujang yang turut membantu dalam menyiapkan kajian ini. Semoga jasa yang diberi mendapat ganjaran dan kesihatan berpanjangan daripada yang Maha Kuasa. Kepada semua yang terlibat secara langsung mahu pun tidak langsung juga diucapkan terima kasih.

ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN	ii
ISI KANDUNGAN	iv
SENARAI PETA	ix
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI PLET	xiv
GLOSARI	xvi
ABSTRAK	xvii
ABSTRACT	xviii
BAB 1 KAJIAN ARKEOLOGI DI KOMPLEKS PERCANDIAN PENGKALAN BUJANG, KEDAH	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Hindu Buddha	1
1.3 Kompleks Percandian Pengkalan Bujang.....	5
1.3.1 Tapak 18.....	7
1.3.2 Tapak 19.....	8
1.3.3 Tapak 20.....	10
1.3.4 Tapak 21.....	10
1.3.5 Tapak 22.....	12
1.3.6 Kajian Lamb di Pengkalan Bujang.	14
1.3.7 Kajian Leong Sau Heng di Pengkalan Bujang.....	15
1.3.8 Kajian Allen di Pengkalan Bujang.....	15
1.4 Tapak Kajian: Tapak 23, Pengkalan Bujang	17
1.5 Isu dan masalah kajian Awal Kompleks Percandian Pengkalan Bujang.....	20
1.5.1 Fungsi Tapak.....	20

1.5.2	Pentarikan Tapak.....	20
1.6	Tujuan Kajian.....	22
1.7	Metodologi Kajian.....	22
1.8	Skop Kajian.....	23
1.9	Kepentingan Kajian.....	24
1.10	Huraian Bab.....	24
1.11	Rumusan Bab.....	25
BAB 2	TAPAK-TAPAK KEAGAMAAN HINDU DAN BUDDHA DI ASIA TENGGARA DAN ASIA SELATAN.....	27
2.1	Pengenalan.....	27
2.2	Kajian Arkeologi Tapak Keagamaan Asia Tenggara.....	27
2.2.1	Malaysia.....	27
2.2.1(a)	Tapak 4, Ladang Sungai Batu.....	29
2.2.1(b)	Tapak 5, Ladang Sungai Batu.....	30
2.2.1(c)	Tapak 8, Bukit Batu Pahat.....	31
2.2.1(d)	Tapak 11/3 Ladang Sungai Batu.....	33
2.2.1(e)	Tapak 14, Sungai Bujang.....	34
2.2.1(f)	Tapak 15, Sungai Bujang.....	36
2.2.1(g)	Tapak 17, Bukit Pendiati.....	38
2.2.1(h)	Tapak 31, Permatang Pasir.....	39
2.2.1(i)	Tapak 50, Bendang Dalam.....	40
2.2.1(j)	Tapak SB1B, Kompleks Sungai Batu.....	41
2.2.2	Indonesia.....	47
2.2.2(a)	Candi Borobudur.....	47
2.2.2(b)	Candi Prambanan.....	49
2.2.3	Kemboja.....	56
2.2.3(a)	Angkor Wat.....	57
2.2.3(b)	Angkor Thom.....	58

2.2.4	Thailand	63
	2.2.4(a) Wat Chang Lom	64
	2.2.4(b) Phnom Wan	65
2.2.5	Vietnam	70
	2.2.5(a) My Son	70
	2.2.5(b) Yen Tu	72
2.3	Monumen Keagamaan Asia Selatan	74
2.3.1	Parsurameswara	75
2.3.2	Konark	76
2.3.3	Sanchi	78
2.3.4	Kompleks Thotlakonda	79
2.4	Seni Bina Hindu Buddha	83
2.5	Rumusan Bab	87
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	88
3.1	Pengenalan	88
3.2	Kajian literatur	88
	3.2.1 Rekod Arkeologi Pengkalan Bujang	88
	3.2.2 Rekod Penerbitan Seni Bina Hindu dan Buddha	91
3.3	Kerja Lapangan	93
	3.3.1 Survei	93
	3.3.2 Pemetaan	95
	3.3.2(a) Pemetaan Kawasan	95
	3.3.2(b) Pemetaan Tapak	97
	3.3.2(c) Pemetaan Kontur Tapak 23	97
	3.3.2(d) Unpiloted Aerial Vehicles (UAVs) Atau Dron	98
3.3.3	Kajian Rupa Bentuk Seni Bina Monumen 23	100

3.3.4	Pengambilan Sampel Pentarikan.....	101
3.4	Analisis Pentarikan <i>OSL</i>	101
3.5	Rumusan Bab	102
BAB 4	KERJA LAPANGAN DI KOMPLEKS PERCANDIAN PENGKALAN BUJANG	103
4.1	Pengenalan	103
4.2	Survei	103
4.3	Pemetaan Kompleks Percandian Pengkalan Bujang	104
4.4	Pemetaan Kontur Tapak 23	107
4.5	Pemetaan Dron	109
4.6	Sampel Pentarikan Kronometrik Tapak 23, Pengkalan Bujang	110
4.7	Rumusan Bab	111
BAB 5	RUPA BENTUK SENI BINA TAPAK 23, PENGKALAN BUJANG.....	112
5.1	Pengenalan	112
5.2	Peta Lakaran Tapak 23, Pengkalan Bujang	112
5.3	Pemetaan Dron	114
5.4	Rupa Bentuk Seni Bina Tapak 23	114
5.4.1	Pedestal (kekaki) (Seni bina A, F dan J dalam Rajah 5.3)..	115
5.4.2	Lantai (Seni bina B, E, dan H dalam Rajah 5.3).....	117
5.4.3	Dinding (Seni bina C, G, dan I dalam Rajah 5.3)	119
5.4.4	Pintu (Seni bina D dalam Rajah 5.6).....	120
5.5	Perbandingan Pelan Rupa Bentuk Tapak 23	121
5.6	Perbandingan Pelan Rupa Bentuk Tapak 23 Dengan Tapak Lain di Kedah Tua, Asia Tenggara dan Asia Selatan.....	122
5.7	Perbandingan Rupa Bentuk Dengan Masjid Pengkalan Kakap	130
5.8	Rumusan Bab	134
BAB 6	KESIMPULAN	135
6.1	Pengenalan	135

6.2	Fungsi Tapak 23	135
6.3	Pentarikan <i>OSL</i> Tapak 23.....	139
6.4	Kajian Masa Hadapan	140
	RUJUKAN	141

DAFTAR INDEKS

SENARAI PEMBENTANGAN SEMINAR

SENARAI PENERBITAN

SENARAI PETA

Halaman

Peta 2.1	Lokasi tapak bangunan keagamaan di Kedah Tua.....	28
Peta 2.2	Lokasi candi di Indonesia.....	47
Peta 2.3	Lokasi tapak keagamaan di Kemboja	56
Peta 2.4	Lokasi tapak monumen keagamaan di Thailand.....	63
Peta 2.5	Lokasi tapak bangunan keagamaan di Vietnam.....	70
Peta 2.6	Lokasi tapak monumen keagamaan Hindu dan Buddha di India.....	74
Peta 4.1	Peta kontur Kompleks Percandian Pengkalan Bujang	106

SENARAI JADUAL

Halaman

Jadual 1.1	Istilah seni bina, arca, alatan dan aliran dalam keagamaan Hindu.....	2
Jadual 1.2	Istilah seni bina, arca, alatan dan aliran dalam keagamaan Buddha	5
Jadual 1.3	Klasifikasi data monumen keagamaan di Kompleks Percandian Pengkalan Bujang.....	16
Jadual 2.1	Rumusan monumen keagamaan di Malaysia khususnya di Kedah Tua	45
Jadual 2.2	Candi Hindu dan Buddha di Indonesia	52
Jadual 2.3	Klasifikasi data candi Hindu dan Buddha di Kemboja	61
Jadual 2.4	Klasifikasi data candi Hindu dan Buddha di Thailand.....	68
Jadual 2.5	Klasifikasi data Candi Hindu di Vietnam	73
Jadual 2.6	Klasifikasi data candi Hindu dan Buddha Tertua Di Asia Selatan	81
Jadual 2.7	Perbandingan rupa bentuk seni bina monumen keagamaan Hindu ...	85
Jadual 3.1	Senarai laporan dan penulisan utama berkaitan pengkajian di Kompleks Percandian Pengkalan Bujang	89
Jadual 3.2	Laporan dan penulisan berkaitan monumen keagamaan di Asia Tenggara dan Asia Selatan.....	91
Jadual 4.1	Data asas lokasi sampel bata Kompleks Pengkalan Bujang	110
Jadual 4.2	Maklumat am sampel bata tapak 23, Pengkalan Bujang.....	111
Jadual 5.1	Perbandingan rupa bentuk monumen Kedah Tua dengan tapak 23.	123
Jadual 5.2	Perbandingan rupa bentuk monumen Kedah Tua dengan tapak keagamaan di Asia Tenggara dan Asia selatan.....	128
Jadual 5.3	Klasifikasi rupa bentuk seni bina tapak 23, pengkalan Bujang dan Masjid Pengkalan Kakap.....	130

SENARAI RAJAH

Halaman

Rajah 1.1	Pelan seni bina tapak 18.....	7
Rajah 1.2	Struktur bangunan Vimana-Mandapa tapak 19.....	9
Rajah 1.3	Struktur monumen tapak 21, Pengkalan Bujang.....	12
Rajah 1.4	Tapak 22 yang turut dibina semula di tapak asal bangunan berkenaan ditemui	13
Rajah 1.5	Pelan cadangan seni bina tapak 23, Pengkalan Bujang.....	18
Rajah 1.6	Carta alir metodologi yang diaplikasikan di dalam kajian tapak di Kompleks Pegkalan Bujang	23
Rajah 2.1	Rupa bentuk seni bina tapak 4	29
Rajah 2.2	Rupa bentuk bangunan keagamaan tapak 5	31
Rajah 2.3	Struktur bangunan candi Siva di tapak 8, Bukit Batu Pahat	32
Rajah 2.4	Struktur bangunan keagamaan pada tapak 11/3 yang mendedahkan rupa bentuk seni bina Vimana-Mandapa dan candi apit	33
Rajah 2.5	Rupa bentuk seni bina tapak 14, Sungai Bujang yang dicadangkan fungsinya sebagai candi agama Hindu.....	35
Rajah 2.6	Rupa bentuk seni bina tapak 15 yang hanya mendedahkan rupa bentuk Vimana	37
Rajah 2.7	Rupa bentuk monumen tapak 17 yang dibina berbentuk segi lapan	38
Rajah 2.8	Struktur binaan di tapak 31, Permatang Pasir yang dicadangkan fungsinya sebagai Vimana-Mandapa	39
Rajah 2.9	Rupa bentuk binaan tapak 50, Bendang Dalam yang mewakili bangunan keagamaan Hindu Siva	41
Rajah 2.10	Rupa bentuk pelan candi di Kedah Tua	43
Rajah 2.11	Pelan cadangan dan keratan rentas candi Borobudur.....	49

Rajah 2.12	Pelan rupa bentuk Candi Prambanan	50
Rajah 2.13	Pelan rupa bentuk candi Angkor Wat yang memperlihatkan struktur dasarnya berbentuk segi empat.....	58
Rajah 2.14	Pelan rupa bentuk seni bina Angkor Thom.....	60
Rajah 2.15	Pelan seni bina Wat Chang Lom.....	65
Rajah 2.16	Pelan seni bina candi Phnom Wan.....	66
Rajah 2.17	Rupa bentuk seni bina monumen keagamaan My Son daripada pandangan atas	71
Rajah 2.18	Pelan seni bina Parsurameswara	76
Rajah 2.19	Rupa bentuk seni bina Kuil Konark yang mendedahkan struktur Vimana-Mandapa.....	77
Rajah 2.20	Pelan rupa bentuk Stupa Sanchi.....	79
Rajah 3.1	Lokasi tapak 19, 21, 22 dan 23 di Kompleks Percandian Pengkalan Bujang	94
Rajah 3.2	Lokasi Pengkalan Bujang dala Peta Topografi Syit 16.....	94
Rajah 3.3	Lokasi Pengkalan Bujang di dalam Peta Geologi	95
Rajah 3.4	Peta paleoalam kawasan Kompleks Percandian Pengkalan Bujang ..	97
Rajah 4.1	Lokasi Kompleks Percandian Pengkalan Bujang dan perkaitannya dengan Sungai Bujang.....	105
Rajah 4.2	Lokasi Kompleks Percandian Pengkalan Bujang yang terletak di atas salah satu permatang pasir	107
Rajah 4.3	Peta kontur tapak 23.....	108
Rajah 4.4	Kontur tiga dimensi seni bina tapak 23.....	108
Rajah 5.1	Pemetaan lakaran seni bina tapak 23.. ..	113
Rajah 5.2	Seni bina tapak 23 hasil gabungan pemetaan peta lakaran dan dron	115
Rajah 5.3	Foto dron yang menunjukkan lokasi dan keadaan semasa seni bina kekaki di tapak 23	115

Rajah 5.4	Foto dron yang menunjukkan lokasi dan keadaan semasa lantai di tapak 23.....	117
Rajah 5.5	Foto dron yang menunjukkan lokasi dan keadaan semasa dinding di tapak 23.....	119
Rajah 5.6	Foto dron yang menunjukkan lokasi dan keadaan semasa seni bina pintu di tapak 23.....	120
Rajah 5.7	Arah aliran masuk dan keluar tapak 23.....	121
Rajah 5.8	Perbandingan pelan seni bina Hergoualc'h (1992) dan kajian terkini	122
Rajah 6.1	Hasil pemetaan semula tapak 23 pada tahun 2019 yang mendedahkan orientasi tapak ini terarah timur laut-barat daya	136

SENARAI PLET

Halaman

Plet 1.1	Lokasi tapak 19, 21, 22 dan 23 di Kompleks Percandian Pengkalan Bujang yang dikelilingi oleh sawah padi. Lokasi tapak 20 tidak dapat ditentukan dengan tepat kerana telah musnah sepenuhnya6
Plet 1.2	Rupa bentuk tapak 18.....7
Plet 1.3	Seni bina tapak 19 yang telah direkonstruksi semula8
Plet 1.4	Tapak 21 di dibina semula di kawasan Muzium Arkeologi Lembah Bujang oleh Jabatan Muzium dan Antikuiti..... 11
Plet 1.5	Rupa bentuk seni bina tapak 22, Pengkalan Bujang 12
Plet 1.6	Struktur pelapik tiang di tapak 23 17
Plet 2.1	Rupa bentuk tapak ritual SB1B yang digunakan dalam aktiviti keagamaan di kawasan Sungai Batu42
Plet 2.2	Rupa bentuk candi Borobudur48
Plet 2.3	Kompleks candi Prambanan yang mewakili keagamaan Hindu di Indonesia49
Plet 2.4	Prasasti Siwagrha yang memperkukuhkan bukti pembinaan Candi Prambanan adalah sebagai candi Hindu.....51
Plet 2.5	Angkor Wat di Kemboja57
Plet 2.6	Struktur candi Angkor Thom di Kemboja59
Plet 2.7	Arca keagamaan Buddha yang dipahat di kawasan Angkor Thom yang mengukuhkan ia sebagai monumen keagamaan Buddha59
Plet 2.8	Rupa bentuk seni bina Wat Chang Lom64
Plet 2.9	Candi Phnom Wan di Thailand66
Plet 2.10	Rupa bentuk seni bina bangunan keagamaan My Son..... 71
Plet 2.11	Rupa bentuk seni bina pada salah satu pagoda di Yen Tu72
Plet 2.12	Rupa bentuk kuil Parsurameswara75

Plet 2.13	Struktur monumen Konark.....	76
Plet 2.14	Rupa bentuk monumen Sanchi, India	78
Plet 2.15	Struktur monumen di Kompleks Buddha Thotlakonda	79
Plet 3.1	Proses pemetaan kawasan dijalankan untuk memetakan kembali Kompleks Percandian Pengkalan Bujang	96
Plet 3.2	Proses pemetaan kontur di tapak 23.....	98
Plet 3.3	Proses pemetaan dron memerlukan seorang operator yang mengawal selia data yang ingin dicerap.....	99
Plet 3.4	Analisis cantuman foto menggunakan perisian <i>adobe photoshop creative cloud</i> bagi memetakan pandangan panorama dua dimensi tapak 23, Pengkalan Bujang.....	99
Plet 3.5	Proses pengukuran semula seni bina monumen di Kompleks Percandian Pengkalan Bujang.....	100
Plet 4.1	Tapak 19, Kompleks Percandian Pengkalan Bujang	103
Plet 4.2	Tapak 22, Kompleks Percandian Pengkalan Bujang	104
Plet 4.3	Tapak 23, Kompleks Percandian Pengkalan Bujang	104
Plet 4.4	Pemetaan dron daripada ketinggian 500 m yang menunjukkan lokasi Kompleks Percandian Pengkalan Bujang berada di bahagian timur Sungai Bujang dan selatan Gunung Jerai	109
Plet 4.5	Pandangan Kompleks Percandian Pengkalan Bujang daripada ketinggian 15 meter yang menunjukkan lokasi tapak 19, 22 dan 23	110
Plet 5.1	Hasil pemetaan dron tapak 23	114
Plet 5.2	Rupa bentuk koridor pada candi Hindu Ramanathaswamy	118

GLOSARI

Artifak	Barang-barang buatan manusia yang merupakan sebahagian peninggalan masyarakat terdahulu seperti bata, atap genting, tembikar, seramik, gelendung benang dan kaca.
Bina Semula	Kaedah yang mempunyai persamaan dengan rekonstruksi. Proses tersebut melibatkan proses gambaran terhadap sesuatu peristiwa/bahan berdasarkan maklumat yang sedia ada.
Candi	Candi merupakan bangunan kuno yang dibina bertujuan untuk pemujaan bagi penganut agama Hindu-Buddha.
Ekskavasi	Proses penggalian secara sistematik, berdisiplin dan terancang untuk mendapatkan maklumat primer bagi sesuatu tapak kajian arkeologi.
Entreport	Pusat perdagangan biasanya bandar pelabuhan yang menjadi tumpuan perniagaan para pedagang.
<i>In-Situ</i>	Tidak terganggu
Interpretasi	Gambaran atau pentafsiran berkaitan fungsi atau peranan bagi sesuatu tapak atau kajian.
Kronologi	Urutan masa mengikut turutan
Monumen	Struktur bangunan yang dibina untuk memperingati seseorang atau peristiwa penting. Bangunan juga boleh ditafsir sebagai tempat kediaman sesebuah masyarakat.
Pentarikhan Kronometrik	Data pentarikhan yang diperolehi melalui kaedah saintifik. Melalui teknik ini sampel arang akan dipertarikhkan menggunakan teknik radiokarbon manakala bata menggunakan teknik <i>OSL</i> .
Survei	Penelitian dan tinjauan awal bagi mengenal pasti tapak berpotensi dalam kajian arkeologi.

**KAJIAN SEMULA TAPAK 23, KOMPLEKS PERCANDIAN PENGKALAN
BUJANG, KEDAH**

ABSTRAK

Kajian arkeologi di Kompleks Percandian Pengkalan Bujang khususnya di tapak 23 adalah bertujuan untuk menyelesaikan isu berkaitan fungsi sebenar dan pentarikannya, di samping melengkapkan data kompleks ini. Selepas meneliti laporan dan penerbitan kajian terdahulu, maka kerja lapangan dijalankan melibatkan survei, pemetaan dan persempelan bata untuk pentarikhkan Pendar Kilau Rangsangan Optik (OSL). Gabungan data lakaran lengkap seni bina dan pemetaan dron tapak 23 telah dapat memberikan rupa bentuk sebenar seni binanya. Jelas tapak 23 mempunyai ruang Vimana-Mandapa, bersama kekaki arca, pintu, koridor, dinding dalam dan luar serta sebuah candi apit. Seni bina sebegini menggambarkannya berfungsi sebagai sebuah bangunan keagamaan Hindu. Pentarikhkan kronometrik menggunakan kaedah OSL terhadap bata lantai Vimana memberikan tarikh tapak 23 didirikan pada kurun ke-12 Masihi iaitu pada tahun 1110 M. Maka, secara umumnya kajian ini telah dapat melengkapkan data Kompleks Percandian Pengkalan Bujang sebagai sebuah pelabuhan entrepot yang mempunyai bangunan peribadatan Hindu (tapak 19 dan 23) dan Buddha (tapak 21 dan 22). Tapak 23 didapati adalah yang terbesar di mana ruang Vimananya boleh menempatkan minima sekitar 200 pengunjung pada satu-satu masa. Ini bermakna tapak 23 adalah candi Hindu yang utama di kawasan ini.

REINTERPRETATION OF SITE NO. 23 PENGKALAN BUJANG, KEDAH

ABSTRACT

The archaeological research at the Kompleks Percandian Pengkalan Bujang especially at site 23 aims to resolve issues related to function and chronometric dating, while complementing this complex data. After reviewing the report and publication of the previous study, field work was carried out involving survey, mapping and brick sampling for Optically Stimulated Luminescence (OSL) dating. The combination of detail architecture drawing and drone mapping at site 23 has provided the in-situ architecture. Clearly site 23 has a Vimana-Mandapa with pedestal statues, doors, corridors, interior and exterior walls and a Apit Temple. This architecture describes it as a Hindu temple. The chronometric dating using the OSL method of Vimana bricks floor gives the dating of site 23 is a around 12th Century AD, in the year 1110 AD. Thus, in general this study has been able to complement the data of the Kompleks Percandian Pengkalan Bujang as an entrepot harbour that with Hindu (sites 19 and 23) and Buddha (sites 21 and 22) temple. The site 23 reveal the largest of Vimana architecture which the space can accommodate a minimum of 200 visitors at a same time. That means the site 23 is the main Hindu temple in this area.

BAB 1

KAJIAN ARKEOLOGI DI KOMPLEKS PERCANDIAN PENGKALAN BUJANG LEMBAH BUJANG, KEDAH

1.1 Pengenalan

Kajian peringkat sarjana ini akan menumpukan bukti arkeologi yang terdapat di Kompleks Percandian Pengkalan Bujang, Kampung Pengkalan Bujang, Merbok, Kedah. Fokus kajian adalah terhadap tapak 23 di kompleks ini. Pada masa kini, Kompleks Percandian Pengkalan Bujang masih mendedahkan dua struktur monumen yang mewakili seni bina keagamaan Hindu-Buddha iaitu tapak 19 dan 22. Sehubungan itu bab ini akan membincangkan sejarah kajian Kompleks Arkeologi Pengkalan Bujang serta isu dan masalah yang timbul daripada kajian awal tersebut. Kemudiannya akan dibincangkan tujuan, metodologi, skop dan kepentingan kajian, dan diakhiri dengan huraian bab untuk keseluruhan tesis. Walau bagaimanapun bab ini akan didahului perbincangan tentang Hindu Buddha untuk mendapatkan gambaran yang lebih jelas tentang agama ini.

1.2 Hindu-Buddha

Agama Hindu atau dalam kitab suci *Hinduisme* dikenali dengan vaidikadharma dan sanatanadharma membawa maksud agama atau veda-veda yang kekal abadi (I Ketut Nyanadeva Natih dan Nyoman Metta Natih 2016). Penyebaran agama Hindu berlangsung secara beraneka ragam dan sangat bervariasi. Ini kerana direkodkan kewujudannya sekitar 1,500 tahun Sebelum Masihi (lebih 3,500 tahun dahulu) menerusi kitab suci Veda, agama ini didapati telah diperkembangkan menjadi banyak aliran anutan. Ini menyebabkan agama Hindu dapat bertahan ribuan tahun sehingga kini kerana dasar agama ini membenarkan penyesuaian dilakukan oleh penganutnya

yang berteraskan *spiritual lines* (I Ketut Nyanadeva Natih dan Nyoman Metta Natih, 2016).

Rekod seni bina monumen Hindu mendedahkan terdapatnya tujuh bentuk monumen yang akhirnya dikenali sebagai kuil. Antara kuil yang dicadangkan rupa bentuknya sampai ke kawasan Kompleks Pengkalan Bujang ini adalah *Ilankoyil* iaitu seni bina bersegi empat yang terbuka di semua sisi (tanpa dinding) dan hanya mempunyai bumbung. Seni bina ini merupakan rupa bentuk binaan yang diaplikasi sejak zaman *Appar* (salah satu daripada empat orang suci saivite) (Balasubrahmanyam, 1971) menurut *Tevaram* (kitab suci dasar Saivism selatan) (Arankacami, 1990) candi India Selatan (Ranee Narendranath, 2017).

Seni bina keagamaan Hindu dicirikan dengan mesti ada bahagian *Vimana*, *Mandapa* dan *Gopuram* (pintu masuk) (Sujatavani, 2002). Asas seni bina monumen Hindu adalah bersegi empat yang dibina berorientasikan arah timur-barat (Sujatavani, 2002) dan mempunyai arca dewa dan alatan keagamaan Hindu. Monumen keagamaan Hindu juga turut mendedahkan beberapa istilah khas berkaitan arca, alatan dan aliran keagamaan seperti yang diterangkan di dalam Jadual 1.1.

Jadual 1.1: Istilah seni bina, arca, alatan dan aliran dalam keagamaan Hindu

NO.	SENI BINA/ARTIFAK/ ANUTAN/DEWA	KETERANGAN	RUJUKAN
1	Vimana	Seni bina berbentuk segi empat yang merupakan bahagian tertinggi di dalam seni bina candi. Ruang di mana arca ditempatkan	Neela dan Ambrosia, 2016
2	Mandapa	Seni bina segi empat yang dibina seperti beranda yang diguna untuk upacara keagamaan tertentu	Ching, 1995

Sambungan Jadual 1.1

3	Tevaram	kitab suci dasar Saivism selatan	Arankacami, 1990
4	Gopuram	Pintu Masuk	Sujatavani, 2002
5	Lingga	Objek dan alatan upacara keagamaan Hindu. Ia melambangkan kesuburan yang dikaitkan juga dengan alatan kemaluan Dewa Siva	Mohd Supian, 2002
6	Yoni	Pasangan Lingga dan dikenali sebagai perlambangan kesuburan wanita	
7	Relikuari	Bekas atau wadah yang digunakan untuk menyimpan barang peninggalan orang alim	Soekmono, 1973
8	Somasutra	Saluran berbentuk segi empat yang digunakan untuk mengalirkan air daripada Yoni	Mohd Supian, 2002
9	Durga Mahasuramardhini	Lambang sebagai dewa gunung yang mempunyai perwatakan yang menakutkan	
10	Arca Wahana	Perlambangan kenderaan kepada para dewa	
11	Kepala Nandi	Berbentuk lembu jantan yang diletakkan di bahagian luar daripada arca Siwa	
12	Arca Ganesha	Dewa yang popular bagi agama Hindu yang turut dikenali dengan nama Ganapati, Vinayaka dan Pillaiyar	Swami Harshananda, 2008
13	Arca Kurma (Dipa-Pitha)	Kenderaan kepada Dewa Wisnu yang berbentuk kura-kura	Hergoualc'h, 1992
14	Arca Dwarapala	Arca yang diletakkan di pintu masuk candi. Merupakan dewa penjaga pintu yang digambarkan sebagai wanita	Mohd Supian, 2002
16	Arca Kala	Kala selalunya berada di bahagian atas pintu candi yang berfungsi sebagai penghalau roh jahat	
17	Peripih	Artifak atau peralatan yang ditemui di dalam relikuari yang mempunyai peranan keagamaan	
18	Mandini	Mempunyai perkaitan dengan Durga Mahisuramardhini iaitu Dewi Durga yang membunuh seekor kerbau yang merupakan jelmaan raksasa (musuh para dewa)	
19	Dewata	Arca yang berperanan sebagai penjaga arah dan penjuru	Roy Jordan, 2009
20	Kalpataru	Pohon suci dalam agama Hindu	Djulianto, 2008
21	Makara	Berperanan sebagai wahana atau kenderaan Dewa Varuna maupun Dewi Gangga	Steven, 1976
22	Manasara	Kitab agama Hindu yang menerangkan berkaitan perkara seni, kraf dan peraturan reka bentuk, prinsip dan standard binaan	Acharya, 1934
23	Silpasastra		
24	Hindu Surya	Dewa cahaya dalam agama Hindu	Rajiv dan Anil, 2010

Sambungan Jadual 1.1

25	Gunung Mahameru	Tempat kediaman para dewa	Mohd Supian, 2002
26	Snana-Droni	Alat pelapik kepada arca Lingga	
27	Dewa Trimuti	Unsur gabungan antara tiga dewa utama dalam agama Hindu iaitu Dewa Siwa, Brahma dan Wishu	
28	Dewa Brahma	Dewa pencipta dalam agama Hindu. Dewa ini dikatakan mempunyai empat sehingga lima kepala	
29	Dewa Siva	Dewa pemusnah di dalam agama Hindu	
30	Dewa Wisnu	Dewa pemelihara di dalam agama Hindu	

Agama Buddha pula diasaskan oleh Siddhartha Gautama Buddha sejak 500 tahun Sebelum Masihi (lebih 2,500 tahun dahulu), iaitu sekitar 1,000 tahun selepas agama Hindu (Harun Hadiwijono, 2008) yang meliputi aspek psikologi dan etika dalam kehidupan (dhamma). Apabila munculnya agama Buddha, agama Hindu didapati mula berisolasi dan disesuaikan dengan kedatangan agama Buddha yang akhirnya ia sering kali dikaitkan secara bersama dengan panggilan “Hindu-Buddha”. Agama Buddha juga secara umumnya terbahagi kepada beberapa aliran seperti Bhagawadgita, Siva dan Mahayana (Harun Hadiwijono, 2008) yang pengaruhnya sampai ke Kedah Tua.

Seni bina monumen yang mendedahkan pengaruh seni bina Buddha dapat dilihat menerusi bentuk binaannya berbentuk stupa, iaitu seni bina berbentuk bulatan. Perbezaan utama stupa dengan candi Hindu adalah berdasarkan rupa bentuknya yang lebih berbentuk bulatan dan padat (Mohd Supian, 2002) jika dibanding dengan monumen Hindu yang bersegi empat. Jadual 1.2 merupakan senarai istilah yang sering digunakan dalam agama Buddha.

Jadual 1.2: Istilah seni bina, arca, alatan dan aliran dalam keagamaan Buddha

NO.	SENI BINA/ARTIFAK/ ANUTAN/DEWA	KETERANGAN	RUJUKAN
1	Mahayana	Aliran dalam agama Buddha	Paul, 1989
2	Theravada	Aliran dalam agama Buddha	Chales, 1975
3	Stupika	Merupakan stupa votive bersaiz kecil yang mengandungi formula dan imej Buddha	Miksic, 2003
4	Mandala	Seni bina luas yang berfungsi sebagai alat meditasi	Ayub Khan dan Varadarajan, 2016
5	Bhumisparsamudra	Perlambangan Buddha apabila memanggil bumi sebagai saksi di atas usahanya mencapai tahap Buddha	Mohd Supian, 2002
6	Citra	Susunan yang menyerupai payung di bahagian atas stupa	
7	Dhamacakramudra	Arca yang menjadi perlambangan semasa Buddha memberikan khutbah pertama di Sornath	
8	Padma	Bunga Teratai	
9	Arca Gajah	Perlambangan kepada seorang bayi yang akan membebaskan dunia daripada dosa	
10	Arca Dewi Hariti	Arca simbol sayangkan kanak-kanak	

1.3 Kompleks Percandian Pengkalan Bujang

Kajian arkeologi di Kompleks Percandian Pengkalan Bujang dimulakan oleh Wales (1940) yang merekodkan penemuan tapak 18, 19, 20, 21, 22 dan 23 secara umum. Lamb (1961) kemudiannya telah meneliti kawasan ini yang berdekatan dengan Sungai Bujang dengan dibantu oleh Oswald Theseira yang kemudiannya mencadangkan kawasan ini berperanan sebagai sebuah pelabuhan. Interpretasi Lamb (1961) tersebut telah diperkukuhkan kemudiannya oleh kajian Leong Sau Heng (1973) yang turut mengemukakan pendapat yang sama berdasarkan temuan pecahan seramik, kaca dan manik dalam kuantiti yang banyak di tapak berdekatan Sungai Bujang, di Pengkalan Bujang.

Nik Hassan Shuhaimi (1984), Nik Hassan Shuhaimi dan Kamaruddin (1993) dan Hergoualc'h (1992) kemudiannya meneliti seni bina tapak candi di kawasan ini

bagi memperlengkapkan lagi data kajian Wales (1940). Pada tahun 2004-2005, Zuklifli *et al.*, (2015) menyambung kerja-kerja ekskavasi di kompleks ini terutama di tapak 23 dan berjaya mendedahkan keseluruhan seni bina tapak berkenaan.

Kompleks Percandian Pengkalan Bujang terletak di koordinat 05°41'02" Utara dan 100°25'26" Timur dengan altitud 12 m di atas aras laut (Plet 1.1). Kompleks Percandian Pengkalan Bujang telah mendedahkan enam tapak penting yang mewakili struktur seni bina bangunan ibadat Hindu-Buddha iaitu Vimana-Mandapa.

Tapak-tapak tersebut telah diberikan penamaan oleh Wales (1940) sebagai tapak 18, 19, 20, 21, 22 dan 23. Pada masa kini hanya tiga sahaja yang masih wujud di sini iaitu tapak 19, 22 dan 23, manakala tapak 18 dan 20 telah musnah sepenuhnya akibat aktiviti pertanian padi di kawasan ini manakala tapak 21 telah dibina semula di kawasan Muzium Arkeologi Lembah Bujang.




Plet 1.1: Lokasi tapak 19, 21, 22 dan 23 di Kompleks Percandian Pengkalan Bujang yang dikelilingi oleh sawah padi. Lokasi tapak 18 dan 20 tidak dapat ditentukan dengan tepat kerana telah musnah sepenuhnya

1.3.1 Tapak 18

Tapak 18 (Plet 1.2 dan Rajah 1.1) telah dijalankan kajian oleh Wales (1940) yang melaporkan penemuan sebuah monumen segi empat tepat yang dibina daripada bata dan berorientasi arah utara-selatan. Tapak ini terletak di koordinat 5°40.947' Utara dan 100°25.146' Timur. Nik Hassan Shuhaimi (1984) dan Allen (1988) juga terlibat meneliti tapak ini. Tapak ini kini telah termusnah sepenuhnya.



Plet 1.2: Rupa bentuk tapak 18 (selepas Wales, 1940)



Rajah 1.1: Pelan seni bina tapak 18 (selepas Wales, 1940)


Berdasarkan rupa bentuk seni bina di tapak 18, Wales (1940) mencadangkan monumen ini berfungsi sebagai bilik perhimpunan keluarga diraja. Walau bagaimanapun Nasha (2011) mencadangkan ia sebagai sebuah monumen keagamaan. Namun begitu interpretasi berkenaan agak longgar kerana orientasi tapak 18 ini dibina tidak terarah timur-barat seperti tapak-tapak keagamaan Hindu. Berdasarkan temuan pecahan kaca lampu pelita Arab, seramik China dinasti Song dan seladon Lungchuan di tapak ini, Wales (1940) mencadangkan usia relatif tapak 18 adalah sekitar kurun ke-10 hingga 13 Masihi.

1.3.2 Tapak 19

Hasil Kajian Wales (1940) di tapak 19 (Plet 1.3) ($05^{\circ}41.016'$ Utara dan $100^{\circ}25.451'$ Timur) telah menemukan struktur bangunan yang diinterpretasikan sebagai bangunan keagamaan Hindu yang dibina sepenuhnya menggunakan bata (Rajah 1.2).



Plet 1.3: Seni bina tapak 19 yang telah direkonstruksi semula (selepas Mohd Supian, 2002)



Rajah 1.2: Struktur bangunan Vimana-Mandapa tapak 19 (selepas Wales, 1940)

Nik Hassan Shuhaimi (1984: 184) turut menjalankan ekskavasi semula di tapak ini pada tahun 1970. Kajian Nik Hassan Shuhaimi telah berupaya memetakan kedudukan tapak 19 ini yang jaraknya sekitar 350 meter timur dari Sungai Bujang. Keluasan tapak 19 yang dieksekavasi oleh Nik Hassan Shuhaimi (1984) adalah sekitar 5 x 5 meter persegi. Kajian tersebut berupaya mendedahkan secara lengkap rupa bentuk Vimana-Mandapa di tapak ini. Umumnya struktur Vimana dan Mandapa berukuran sekitar 2.5 meter panjang, 4.8 meter lebar dengan ketinggian dinding sekitar 1.5 meter tinggi (Nik Hassan Shuhaimi, 1984) adalah digunakan dalam aktiviti keagamaan Hindu.

Orientasi bangunan tersebut dibina memanjang timur-barat dengan pintu masuknya berada di bahagian timur. Tapak ini dibina berdekatan dengan sungai yang

menurut Raneer (2017) adalah sebagai kemudahan untuk bersuci sebelum upacara ritual keagamaan. Penemuan arca Ganesha, lingga dan relikuari daripada batuan jelas mengukuhkan ia digunakan sebagai kuil Siva iaitu sebagai alat perantaraan penyembahan keagamaan bagi agama Hindu (Wales, 1940).

Candi tapak 19 ini kemudiannya dibina semula oleh Jabatan Muzium dan Antikuiti di tempat asal ianya ditemui. Pentarikhan relatif tapak 19 ini dicadangkan sekitar kurun ke-11 hingga 13 Masihi berdasarkan penemuan seramik perdagangan oleh Leong Sau Heng (1973) dan Nik Hassan Shuhaimi, (1984). Menurut Leong Sau Heng (1973) Kompleks Percandian Pengkalan Bujang telah menjadi kawasan tumpuan urusan niaga perdagangan pada jangka masa tersebut dan tapak 19 telah dibina bagi memenuhi kehendak beragama pedagang yang berdagang di kawasan Pengkalan Bujang.

1.3.3 Tapak 20

Tapak 20, Pengkalan Bujang direkodkan temuannya oleh Wales (1940). Pemetaan semula oleh Allen (1988) mengesahkan tapak 20 yang berada di kawasan sawah padi telah musnah keseluruhannya. Namun begitu berdasarkan rekod Wales (1940) tapak 20 ini dibina dengan menggunakan bata, namun tidak diberikan pelan rupa bentuknya.

1.3.4 Tapak 21


Candi tapak 21 (Plet 1.4) merupakan pasangan kepada candi 22 di Kompleks Percandian Pengkalan Bujang. Candi ini terletak pada koordinat 5°41.074' Utara dan

100°25.427' Timur. Tapak 21 ini telah dibina semula di kawasan Muzium Arkeologi Lembah Bujang oleh Jabatan Muzium dan Antikuiti.



Plet 1.4: Tapak 21 di dibina semula di kawasan Muzium Arkeologi Lembah Bujang oleh Jabatan Muzium dan Antikuiti

Pada tahun 1974, Jabatan Muzium dan Antikuiti telah menjalankan kajian di tapak ini dan berjaya mendedahkan rupa bentuk seni bina utama tapak 21 ini (Rajah 1.3). Bersaiz 6.5 x 3.0 m yang dibina sepenuhnya daripada bata berbentuk seperti salib. Ianya berfungsi untuk agama Buddha (Nik Hassan Shuhaimi dan Othman, 1992). Hasil kajian di tapak ini telah menemukan arca Buddha daripada terakota dan gangsa, kala, Ganesha dan bata yang mempunyai inskripsi. Berdasarkan temuan arca berkenaan di samping seramik China mencadangkan pentarikan relatif tapak ini adalah sekitar kurun ke-9 sehingga ke-10 Masihi (Nik Hassan Shuhaimi dan Othman, 1992).



Rajah 1.3: Struktur monumen tapak 21, Pengkalan Bujang (selepas Nik Hassan Shuhaimi dan Othman, 1992)

1.3.5 Tapak 22, Pengkalan Bujang


Tapak 22 (Plet 1.5) terletak di $05^{\circ}41.083'$ Utara dan $100^{\circ}25.422'$ Timur yang juga direkodkan penemuan pertamanya oleh Wales (1940). Monumen ini dibina daripada bata dan telah direkonstruksi semula di tapak asalnya oleh Jabatan Muzium dan Antikuiti.



Plet 1.5: Rupa bentuk seni bina tapak 22, Pengkalan Bujang

Berdasarkan laporan, Wales (1940) dan Nik Hassan Shuhaimi (1984) telah melakukan tinjauan arkeologi di tapak berkenaan bagi memperlengkapkan rupa bentuk

seni binanya (Rajah 1.4). Ekskavasi Nik Hassan Shuhaimi di tapak 22 dijalankan serentak dengan tapak 21 yang melibatkan keluasan kawasan sekitar 100 x 60 m². Ekskavasi oleh Nik Hassan Shuhaimi (1984) secara jelas mendedahkan dua struktur monumen iaitu Vimana-Mandapa yang laluan masuknya daripada arah timur laut.



Rajah 1.4: Tapak 22 yang turut dibina semula di tapak asal bangunan berkenaan ditemui (selepas Wales, 1940 dan Nik Hassan Shuhaimi, 1984)

Nik Hassan Shuhaimi (1984) telah mengklasifikasikan struktur monumen tapak 22 kepada dua bahagian utama iaitu bahagian A dan B. Struktur binaan bahagian A dicirikan dengan rupa bentuk bersegi empat sama dengan ukuran 1.82 meter panjang dan lebar 0.46 meter tinggi. Bahagian B juga mendedahkan rupa bentuk seni bina bersegi empat sama yang dicirikan saiznya berukuran 2.13 meter lebar, 2.13 meter panjang dan 0.84 meter tinggi. Perbezaan ketara di antara kedua-dua rupa bentuk berkenaan menurut Nik Hassan Shuhaimi (1984) adalah struktur B mempunyai lubang di bahagian tengah monumen berbanding struktur A yang lebih solid tanpa lubang.

Menurut Mohd Supian (1998) bahagian tepi candi telah dibina dengan ukuran 1.5 meter tinggi daripada bahagian dasar monumen tapak ini.

Kajian Jabatan Muzium dan Antikuiti pada tahun 1976 turut menemukan empat bata yang dipahat di bahagian atasnya tulisan Sanskrit. Berdasarkan tulisan Sanskrit tersebut telah mencadangkan monumen tapak 22 ini digunakan dalam kepercayaan tantrik berdasarkan tulisan “Tra” yang diduga berunsur Buddha Mahayana berpengaruh ajaran Tantrik (Nik Hassan Shuhaimi dan Othman, 1992).

Ekskavasi Nik Hassan Shuhaimi (1984) di tapak 22 turut menemukan beberapa imej arca seperti imej Buddha, Buddha berdiri, Bodhisattva dan imej gajah. Kesemua imej arca berkenaan dicadangkan mengukuhkan fungsi tapak 22 berkenaan sebagai monumen keagamaan Buddha. Selain itu, ekskavasi di tapak ini turut direkodkan temuan seramik, tembikar batu dan manik yang mencadangkan usianya digunakan sejak kurun kesembilan Masihi. Wales (1940) turut merekodkan penemuan seramik dinasti Song di tapak ini yang menjadi bukti kebudayaan yang telah berlangsung di kawasan tersebut.

1.3.6 Kajian Lamb di Pengkalan Bujang

Lamb (1961) turut menjalankan kajian di kawasan Lembah Bujang terutama berdekatan pinggir Sungai Bujang dan sekitaran kawasan sawah padi di Pengkalan Bujang. Kajian beliau melibatkan 16 buah tapak yang diberi penamaan sebagai A-P. Ekskavasi oleh Lamb (1961) jelas memperlihatkan lapisan budaya didedahkan pada kedalaman dua sehingga tiga kaki yang diidentitikan dengan temuan seramik China, manik, tembikar batu, tembikar tanah dan objek logam. Tiga tapak mendedahkan temuan artifak yang paling banyak iaitu di tapak B, C dan P. Namun begitu lokasi

setiap tapak yang dikaji oleh Lamb (1961) tidak direkodkan secara jelas untuk membolehkan lokasi sebenar setiap tapak berkenaan diketahui. Secara umumnya, kajian Lamb (1961) tertumpu kepada artifak yang membuktikan kawasan Pengkalan Bujang sebagai sebuah pelabuhan enterport Kedah Tua.

1.3.7 Kajian Leong Sau Heng di Pengkalan Bujang

Pada tahun 1971, Leong Sau Heng telah menyambung kajian Lamb (1961) di kawasan Pengkalan Bujang untuk tesis sarjananya. Kajian Leong Sau Heng (1973) di kawasan Pengkalan Bujang tidak melibatkan kajian ke atas tapak monumen tetapi lebih meneliti di kawasan berhampiran Sungai Bujang bagi meneliti artifak yang boleh dikaitkan kepada kerajaan Kedah Tua.

Kajian Leong Sau Heng (1973) tertumpu di dua kawasan di Sungai Bujang yang diberi penamaan tapaknya sebagai PBI dan PBII. Satu petak telah diekskavasi di PBI manakala dua petak di PBII. Kajian Leong Sau Heng (1973) di Pengkalan Bujang lebih tersusun jika dibandingkan dengan kajian Lamb (1961) yang mana beliau lebih menumpukan kepada aspek hubungan antara taburan artifak dengan stratigrafi. Kajian Leong Sau Heng (1973) juga melibatkan penelitian semula ke atas artifak yang telah ditemui oleh Lamb (1961). Leong Sau Heng (1973) telah berjaya melakukan klasifikasi semula terhadap tipologi artifak yang ditemui oleh Lamb (1961) terutamanya artifak tembikar batu dan tembikar tanah. Umumnya, Leong Sau Heng (1973) juga mengesahkan Pengkalan Bujang adalah sebuah pelabuhan entreport.

1.3.8 Kajian Allen di Pengkalan Bujang

Pada tahun 1979-1980, Allen (1988) telah melakukan tinjauan arkeologi di kawasan Pengkalan Bujang. Kajian Allen (1988) ini melibatkan 18 buah tapak seperti

tapak 18-23, 79-84 dan tapak 86. Kebanyakan tapak berkenaan telah dikaji lebih awal oleh Wales (1940), Lamb (1961) dan Leong Sau Heng (1973).

Kajian Allen (1988) di kawasan Pengkalan Bujang tidak melibatkan proses ekskavasi kerana kajian beliau lebih tertumpu kepada geomorfologi dan sekitaran kawasan di Pengkalan Bujang dan Sungai Mas. Allen (1988) menumpukan kerja-kerja pengambilan sampel tanah seperti di tapak 80-86 dan sampel artifak diperolehi daripada jumpaan permukaan seperti di tapak 80, 82 dan 83. Hanya dua tapak terlibat dalam proses ekskavasi iaitu di tapak 84 dan 86 bagi mendapatkan artifak bagi memperlengkapkan data kajian Allen (1988). Hasilnya, Allen (1988) menyatakan tapak Pengkalan Bujang merupakan kawasan pelabuhan enterport Kedah Tua sejak kurun ke-11 Masihi.

Oleh yang demikian kajian Low (1848), Evans (1922), Wales (1940), Leong Sau Heng (1973), Nik Hassan Shuhaimi (1984), Allen (1988), Hergoualc'h (1992) dan Mohd Supian (1998) jelas mendedahkan kepentingan kawasan Pengkalan Bujang kepada keberlangsungan Kedah Tua selepas kurun ke-11 Masihi. Berdasarkan penemuan artifak perdagangan dan monumen keagamaan jelas memperkukuhkan interpretasi yang dikemukakan berkaitan peranannya dalam aktiviti perdagangan dan perkembangan keagamaan Hindu-Buddha. Jadual 1.3 merupakan klasifikasi data berkaitan monumen keagamaan yang direkodkan di kawasan ini.

Jadual 1.3: Klasifikasi data monumen keagamaan di Kompleks Percandian Pengkalan Bujang

TAPAK	BAHAN BINAAN	BENTUK	ARAH MASUK	FUNGSI	RUJUKAN

18	Bata	Segi empat tepat	Utara-Selatan	Tempat perhimpunan diraja	Wales, 1940
19	Bata	Segi empat tepat Vimana-Mandapa	Timur-Barat	Kuil Hindu	
20	Bata	Tidak dilaporkan	-	-	-
21	Bata	Monumen utama mempunyai 16 bucu	Utara-Selatan	Kuil Buddha	Nik Hassan Shuhaimi dan Othman, 1992
22	Bata	Monumen utama mempunyai 16 bucu manakala monumen sokongan mempunyai lapan bucu	Timut Laut-Barat Daya	Kuil Buddha Mahayana	Wales, 1940 dan Nik Hassan Shuhaimi, 1984

1.4 Tapak Kajian: Tapak 23, Pengkalan Bujang


Tapak 23 telah ditemui oleh Wales (1940) yang melaporkan terdapat sebuah tapak berdekatan dengan tapak 19 dan 22. Kajian Wales (1940) pada masa berkenaan hanya melaporkan penemuan pelapik tiang yang diperbuat daripada batu granit (Plet 1.6) dan seramik Song. Berdasarkan laporan Wales (1940), Jabatan Muzium dan Antikuiti telah mengambil inisiatif untuk menjalankan kajian di tapak berkenaan pada tahun 1986 sehingga 1991. Sebanyak enam fasa terlibat di dalam kajian arkeologi ini.



Plet 1.6: Struktur pelapik tiang di tapak 23 yang ditemui oleh Wales (1940) (selepas Zuliskandar *et al.*, 2014)

Kajian ini berjaya mendedahkan rupa bentuk seni bina tapak 23 berkenaan (Nik Hassan Shuhaimi dan Kamaruddin, 1993). Kajian ini turut mendapat kerjasama daripada *Centre Nasional de la Recherche Scientifique*, Paris dan Pusat Penyelidikan Timur Jauh Perancis yang diketuai oleh Michel Jacq-Herquolc'h.

Kajian arkeologi pada jangka masa berkenaan telah berupaya mendedahkan rupa bentuk seni bina monumen tapak 23 seperti mana yang dikeluarkan oleh Herquolc'h (1992). Berdasarkan kajian tersebut monumen di tapak 23 ini telah ditafsir sebagai monumen Vimana-Mandapa agama Hindu yang berukuran sekitar 4 x 3 meter persegi yang dibina di atas tambakan laterit dan batu sabak sebagai penstabil asas bangunan (Zuliskandar *et al.*, 2012). Monumen ini dibina berorientasikan arah timur laut-barat daya dengan pintu masuknya dibina di setiap sisi bangunan (Rajah 1.5).



Rajah 1.5: Pelan cadangan seni bina tapak 23, Pengkalan Bujang (selepas Herquolc'h, 1992)

Pada tahun 2004-2005 Zulkifli Jaafar sebagai Kurator Muzium Arkeologi Lembah Bujang telah meneruskan kajian di tapak 23 bagi meneliti kembali rupa

bentuk seni bina bangunan di tapak berkenaan. Rahmat (2006) dan Harleny, (2015) telah mencadangkan monumen di tapak berkenaan berperanan sebagai sebuah masjid. Interpretasi yang dikemukakan oleh Rahmat (2006) dan Harleny (2015) telah memperlihatkan perbezaan pandangan dengan pengkaji terdahulu seperti Jacq Herquoualc'h (1992) dan Nik Hassan Shuhaimi dan Kamaruddin (1993) yang lebih berpendapat ia berperanan sebagai sebuah candi Hindu. Interpretasi Rahmat (2006) dan Harleny, (2015) yang menyatakan tapak 23 berperanan sebagai sebuah masjid kuno berdasarkan beberapa justifikasi. Menurut Harleny (2015), mihrab binaan mengadap ke arah kiblat, orientasi kiblat agak tersasar namun adalah normal kerana 7 daripada 9 buah masjid kuno di Jawa dalam penelitian informan sebelumnya juga tersasar 9° ke 12° dari arah kiblat sedangkan 2 buah masjid iaitu Demak dan Ceribon tepat berpaksikan ke arah kiblat. Secara prinsip asas sembah agama Hindu adalah berorientasikan ke arah gunung. Namun binaan ini tidak mengadap ke arah gunung Jerai seperti 2 buah binaan candi berdekatan. Dalam kepercayaan Hindu gunung dikaitkan dengan Mahameru di mana Tuhan berada di tempat yang tinggi.

Tapak 23, Pengkalan Bujang telah diinterpretasikan fungsinya sebagai sebuah masjid berdasarkan persamaan rupa bentuknya dengan Masjid Pengkalan Kakap yang terletak di bahagian barat laut tapak 23 pada masa kini. Persamaan rupa bentuk tersebut termasuklah adanya struktur ruang lantai utama, dinding dan koridor. Namun begitu kajian terkini jelas mendedahkan orientasi kedua-dua monumen berkenaan adalah berbeza iaitu berorientasikan arah timur laut-barat daya bagi tapak 23 dan barat laut bagi Masjid Pengkalan Kakap. Perbezaan rupa bentuk selainnya adalah bagi tapak 23 mempunyai seni bina kekaki dan ruang meletak arca yang mendedahkan kelainan rupa bentuk di antara kedua-dua monumen berkenaan. Berdasarkan perbezaan ruang yang

ada di antara kedua-dua monumen berkenaan jelas menggambarkan fungsinya adalah tidak sama. Oleh yang demikian seni bina tapak 23 lebih jelas berfungsi sebagai candi Hindu di dalam Kompleks Percandian Pengkalan Bujang.

1.5 Isu dan masalah kajian Awal Kompleks Percandian Pengkalan Bujang

Hasil kajian arkeologi yang telah dijalankan di Kompleks Percandian Pengkalan Bujang yang bermula daripada Wales (1940) sehingga Rahmat (2006) dan Harleny,(2015) didapati masih ada beberapa isu dan masalah yang perlukan penyelesaian iaitu:

1.5.1 Fungsi Tapak

Berdasarkan kajian Wales (1940), Nik Hassan Shuhaimi (1984), Allen (1988), Hergoualc'h (1992) dan Nik Hassan Shuhaimi dan Kamaruddin (1993) menyatakan Kompleks Percandian Pengkalan Bujang adalah tempat peribadatan agama Hindu (tapak 18, 19 dan 23) manakala tapak 21/22 berperanan sebagai kuil agama Buddha manakala Rahmat (2006) dan Harleny, (2015) menyatakan tapak 23 berperanan sebagai sebuah masjid. Kajian Lamb (1961), Leong Sau Heng (1973) dan Allen (1988) pula mencadangkan kawasan ini juga adalah sebagai sebuah pelabuhan enterport. Ini menunjukkan kawasan Pengkalan Bujang telah digunakan untuk pelbagai fungsi. Kehadiran monumen keagamaan didapati digunakan di kawasan pelabuhan.

Khusus untuk tapak 23 didapati tiada penemuan arca keagamaan namun berdasarkan artifak lampu pelita dan kertas emas mencadangkan ianya sebuah candi Hindu. Oleh kerana tapak 23, Pengkalan Bujang mempunyai dua penafsiran berkaitan fungsi tapak maka isu tersebut ingin diselesaikan di dalam kajian ini.

1.5.2 Pentarikhkan Tapak

Pentarikhkan yang digunakan oleh pengkaji awal (Wales 1940; Lamb 1961, 1965, 1980; Leong Sau Heng 1973; Allen 1988, Jacq Hergoualc'h 1992; Nik Hassan Shuhaimi dan Othman 1990; Nik Hassan Shuhaimi dan Kamaruddin 1993 di tapak 18, 19, 20, 21, 22 dan 23 adalah lebih kepada pentarikhkan relatif berdasarkan kehadiran seramik China. Kehadiran seramik dinasti Song (kurun ke-9 hingga 13 M) dan seramik dinasti Yuan (kurun ke-13 hingga 14 M) di kompleks tersebut telah membolehkan mereka memberikan pentarikhkan relatif kepada kompleks ini iaitu bertarikh sekitar antara kurun ke-9 hingga 14 Masihi.

Terdapat dua pentarikhkan kronometrik telah dilakukan terhadap sampel daripada kompleks ini iaitu oleh Rosli *et al.* (2010) dan Siti Norbaini *et al.* (2015). Rosli *et al.* (2010) telah melakukan buat pertama kalinya pentarikhkan mutlak terhadap bata daripada tapak 23 dengan menggunakan kaedah Termoluminescence (TL). Namun hasilnya memberikan tarikh kurun ke-16 hingga 18 Masihi yang didapati terlalu lewat untuk sebuah monumen yang mempunyai seramik Sung dan Yuan.

Keduanya, pentarikhkan TL terhadap kepingan tembikar tanah daripada tapak 23 oleh Siti Norbaini *et al.* (2015) pula telah memberikan tarikh daripada kurun ke-11 hingga 15 Masihi. Tarikh ini didapati lebih berkait dan sesuai dengan seramik yang ada di kompleks ini. Oleh kerana itu, pentarikhkan kronometrik mesti dijalankan untuk kompleks ini khasnya untuk tapak 23 yang masih mendedahkan monumen asal.

Kaedah OSL (Optically Stimulated Luminescence) atau pun dikenali sebagai Pendar Kilau Rangsangan Optik melibatkan konsep bila kali terakhir sesuatu mineral

atau bahan terdedah kepada cahaya matahari. Menerusi kaedah ini pengukuran jumlah elektron yang terperangkap di dalam struktur mineral seperti kuarza dan feldspar boleh dilakukan yang akhirnya dapat memberikan pentarikhkan sesuatu artifak berkenaan. Kaedah pentarikhkan Termoluminescence pula melibatkan konsep haba atau pemanasan yang telah berlaku kepada artifak (Daniels *et al.*, 1953). Secara umumnya TL wujud di dalam tanah dan semasa artifak yang diperbuat daripada tanah liat dibakar maka TL akan dibebaskan keluar daripada artifak berkenaan. Selepas itu, apabila artifak berkenaan telah sejuk atau tertimbus ke dalam tanah, TL akan diserap semula ke dalam artifak dengan pengiraan 0 (sifar). Apabila artifak tersebut ditemui di tapak arkeologi, maka ia akan dibakar sekali lagi. Kesemua TL yang dikeluarkan semasa pembakaran kali kedua ini akan dikumpulkan untuk pengiraan usia artifak. Semakin banyak TL, semakin tua usia artifak tersebut. Keistimewaan kedua-dua pentarikhkan ini adalah ia boleh mencakupi ruang masa pentarikhkan sehingga 50,000 tahun (Robert *et al.*, 1990).

Kaedah OSL dipilih untuk pentarikhkan bata bagi kajian ini. Kaedah OSL didapati lebih tepat dan lebih sesuai untuk bata berbanding dengan kaedah TL atau Termoluminescence (Munyikawa, 2016). Prinsip asas kaedah ini ialah bilakah kali terakhir sesuatu mineral yang terkandung di dalam bata atau dalam lapisan tanah terkena cahaya matahari. Ini bermakna untuk bata ianya akan memberikan tarikh pembuatan bata tersebut. Konsep pentarikhkan *OSL* adalah melibatkan tindak balas cahaya kalimantang yang terhad kerana ia mengambil kira pelepasan tenaga yang disimpan di dalam mineral yang disebabkan oleh tindakan radioaktif semula jadi (Nur Asyikin, 2013:16). Justeru itu usia sebenar tapak monumen 23 akan dapat dapat dicadangkan pentarikhannya. Kaedah pengambilan bata adalah dengan mengambil

sebahagian bata yang terpilih daripada struktur *in situ* pada tapak 23. Bata berkenaan akan dibalut dengan *aluminium foil* bagi mengelakkan sampel tercemar. Sampel bata turut dilabelkan maklumat tapak, petak, spit dan asosiasi.

Memandangkan kos pentarikan OSL yang tinggi maka kajian ini hanya melibatkan satu sampel sahaja. Walau bagaimana pun satu sampel bata ini adalah mencukupi untuk mewakili pentarikan tapak 23 ini kerana ; (i) ianya mewakili lapisan lantai utama yang masih *in situ*, dan (ii) saiz monumen tapak 23 hanyalah bersaiz 15 x 10 m² yang mencukupi untuk diwakili oleh satu sampel sahaja.


1.6 Tujuan Kajian

Secara umumnya kajian ini bertujuan untuk menentukan fungsi sebenar tapak 23 dan menentukan pentarikan kronometrik tapak 23, Kompleks Percandian Pengkalan Bujang.

1.7 Metodologi Kajian

Kajian ini melibatkan beberapa kaedah yang bermula dengan bacaan dan penelitian terhadap laporan kajian terdahulu. Selepas itu, kajian lapangan ke tapak Kompleks Percandian Pengkalan Bujang dijalankan bagi tujuan pengumpulan data primer dan sekunder bagi menjawab tujuan kajian.

Rajah 1.6 merupakan carta alir metodologi yang diguna pakai dalam proses pengumpulan maklumat. Metodologi kajian ini akan dibincangkan lebih lengkap dalam bab 3 tesis ini.



Rajah 1.6: Carta alir metodologi yang diaplikasikan di dalam kajian tapak di Kompleks Pegkalan Bujang

1.8 Skop Kajian

Kajian ini hanya akan memberikan tumpuan kepada menyelesaikan isu fungsi sebenar tapak 23 dan pentarikan OSL bata tapak 23. Penentuan fungsi tapak 23 penting kerana ada pengkaji awal menyatakan ianya candi Hindu dan ada yang mentafsirkannya sebagai sebuah masjid. Kedua, oleh kerana hanya tapak 23 sahaja lagi di Pengkalan Bujang yang masih mendedahkan bata asal maka pentarikan kronometrik OSL akan dijalankan. Pentarikan OSL adalah kaedah terbaik untuk pentarikan bata.

1.9 Kepentingan Kajian

Kajian ini dijangka akan dapat memperlengkap dan memperteguhkan lagi data Kompleks Percandian Pengkalan Bujang khasnya tapak 23 daripada aspek fungsi dan